From: UUM CORPORATE COMM.
Sent on: Tuesday, 19 July, 2022 3:49:48 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: STAF UNIVERSITI DATANG SEBAGAI PEJUANG UNTUK NEGARA

UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

19 JULAI 2022 / 19 ZULHIJJAH 1443H
==========

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: Shamsaimi Ezil

STAF UNIVERSITI DATANG SEBAGAI PEJUANG UNTUK NEGARA



UUM ONLINE: Staf Universiti Utara Malaysia (UUM) menggalas tanggungjawab besar dalam mendidik dan melahirkan pelapis masa depan negara sekali gus menjadi pejuang yang berkhidmat demi agama, bangsa

dan negara.

“Jika kita perhalusi, keris lok tiga bermakna perjuangan. Kita datang sebagai pejuang justeru bangkit dan perjuangkan.

“Jangan hanya fikir tentang diri kita tanpa memikirkan ummah. Kalau umur 40 tahun masih fikir diri ketika ummah memerlukan kita, itu tandanya kita orang yang pentingkan diri sendiri.

“Siapa kita tidak penting. Semua datang dengan amanah sama ada kerani, juruteknik dan apa jua tugas yang diamanahkan. Semua ini adalah tiket untuk bertemu tuhan. Jawatan tidak penting, yang penting urusan kita dengan Allah.

“Jangan pernah rasa terkilan jika orang tidak memberi pengiktirafan kerana Allah melihat kita, jadi saya menyeru semua dapat mengangkat usaha kita bersama di samping membuang sifat negatif,” kata Naib Canselor, Prof. Dr. Haim Hilman Abdullah.

Tambahnya, UUM merupakan tempat mencari rezeki kerana ada staf yang sudah 20 - 30 tahun membina kehidupan di sini.

“Kita bekerja bersungguh-sungguh mendidik umat yang menjadi ibadat misalnya 5,000 pelajar yang masuk universiti, sudah berapa ramai yang kita santuni dan berikan perkhidmatan terbaik,” ucapnya sempena Program Perhimpunan Bulanan UUM, yang berlangsung di Dataran Perdana, UUM, pagi tadi.

Menurutnya lagi, selain menjadi platform kepada warga kampus mengikuti perkembangan semasa dan menyokong agenda universiti untuk terus memacu perjuangan di masa hadapan, program ini turut menjadi tempat pertemuan staf dari pelbagai pusat tanggung jawab.

Hal ini dipersetujui Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Ekonomi, Kewangan dan Perbankan (SEFB), Ooi Chai Aun yang gembira kerana dapat berkumpul bersama-sama dalam program yang menghimpunkan warga UUM.

“Walaupun dalam kesibukan bekerja, kita berpeluang untuk berhimpun bersama supaya dapat mengenal kawan-kawan dari pelbagai jabatan untuk berinteraksi antara satu sama lain sekali gus mengeratkan hubungan antara kita,” katanya.

Sejurus program tamat, Haim Hilman bersama pegawai-pegawai kanan membuat tinjauan melihat persekitaran kampus.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.